



Ruj. Kami: JPPH: B2 PYN 175/666/3/17 Jld.4 (1)
Tarikh: 8 Mac 2017

YBhg. Tan Sri / Dato' Sri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan,

HEBAHAN DANA PENYELIDIKAN MELALUI KOORDINATOR DANA PENYELIDIKAN HARTA TANAH NEGARA (NAPREC), JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA (JPPH), KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA.

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sejak tahun 2002, Institut Penilaian Negara (INSPEN) adalah Koodinator Kebangsaan dalam penyelidikan harta tanah dan dikenali sebagai National Real Estate Research Coordinator (NAPREC). Sebagai koordinator, INSPEN berperanan sebagai penyelaras dan pengurus dana penyelidikan harta tanah.
3. Sehubungan dengan itu, INSPEN ingin mempelawa para penyelidik yang berminat untuk mengemukakan cadangan penyelidikan di dalam bidang harta tanah bagi mendapatkan dana tersebut. Keutamaan akan diberikan kepada penyelidikan yang boleh memberi impak kepada pembangunan harta tanah negara dan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). Sebagai panduan penyediaan cadangan penyelidikan, bersama ini disertakan garis panduan permohonan dana dan senarai bidang yang berkaitan.
4. Borang permohonan dana penyelidikan ini juga boleh didapati terus melalui sekretariat ataupun dimuat turun di laman sesawang <http://www.inspen.gov.my>. Untuk keterangan lanjut, sila hubungi pihak sekretariat seperti berikut:-

- i. Pegawai : Sr. Mohd Haris Yop
No. Telefon : 03-8911 8620
E-mail : haris@inspen.gov.my
- ii. Pegawai : Nooraini Haron
No. Telefon : 03-8911 8629
E-mail : hnooraini@inspen.gov.my

Borang permohonan yang telah lengkap hendaklah dihantar pada atau sebelum **15 April 2017** secara email atau pos kepada:-

Sekretariat NAPREC
Pusat Penyelidikan dan Inovasi
Institut Penilaian Negara (INSPEN)
Persiaran INSPEN, 43000 Kajang,
Selangor Darul Ehsan.

(Up: Sr. Mohd Haris Yop)

5. Kerjasama pihak tuan di dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, Terima Kasih

Saya yang menurut perintah,



RASIDAH BINTI ISNIN

Ketua Pembangunan, Penyelidikan dan Kepakaran
b.p Pengarah INSPEN
Institut Penilaian Negara (INSPEN)
Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta
Kementerian Kewangan Malaysia